

Bab 3

Pelaburan Konvensional: Satu Gambaran Umum

BAB 3
KONSEP PELABURAN : SATU GAMBARAN UMUM
MENURUT PANDANGAN EKONOMI KONVENTSIONAL

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Definisi Pelaburan
 - 3.2.1 Definisi Dari Segi Bahasa
 - 3.2.2 Definisi Pelaburan Menurut Ekonomi Konvensional
- 3.3 Ciri-ciri Pelaburan Konvensional
 - 3.3.1 Penanaman Modal (*Capital Gains*)
 - 3.3.2 Peralihan Masa (*Time Horizon*)
 - 3.3.3 Menjangkakan Pulangan Yang Positif (*Positive Return*)
 - 3.3.4 Terdedap Kepada Risiko dan Ketidakpastian (*Risk and Uncertainty*)
 - 3.3.5 Kecairan (*Liquidity*)
- 3.4 Bentuk-bentuk Pelaburan Konvensional
 - 3.4.1 Pelaburan Tunai/Hutang
 - 3.4.2 Pelaburan Ekuiti
 - 3.4.3 Pelaburan Aset Hakiki
 - 3.4.4 Pelaburan Pasaran Hadapan
 - 3.4.5 Pelaburan Kutipan Bahan
- 3.5 Kesimpulan

2.1 Pengenalan

“Bijak Dahulu Bijak Sekarang”. Cogankata yang dikeluarkan oleh Amanah Saham Nasional atau Bumiputera ini sudah lama menjadi ikutan anak-anak kecil dan konsep menabung yang diperkenalkan sudah mampu membuka mata masyarakat tentang kepentingannya. Masyarakat umum pada hari ini secara tidak sedar banyak bercakap dan memperkatakan tentang pelaburan. Pelaburan bagi masyarakat Malaysia suatu masa dahulu merupakan satu topik yang amat tinggi dan elit untuk dibualkan. Malah ia bukanlah satu perbincangan yang mudah dan melibatkan orang biasa. Akan tetapi hanya tokoh-tokoh korporat dan usahawan besar sahaja mampu dan layak untuk berbicara tentangnya.

Proses penyimpanan wang yang diperkenalkan oleh banyak institusi kewangan pada hari ini telah banyak menyumbang kearah kesedaran melabur di kalangan rakyat negara ini. Walaupun hakikatnya, masih ramai yang tidak sedar bahawa apabila mereka menyimpan di dalam bank, maka sebenarnya mereka melakukan satu daripada bentuk pelaburan, namun kesedaran ini sedikit sebanyak telah menggerakkan aktiviti pelaburan di negara kita untuk bergiat aktif.

Yang menyedihkan, kadang-kala pelaburan dikaitkan dengan isu judi, sesuatu yang haram dan perkara yang tidak patut diceburi. Sedangkan hakikatnya mereka yang memberikan pandangan ini sendiri tanpa sedar telah terlibat dalam aktiviti pelaburan. Walaupun tidak dinafikan, terdapat juga pelaburan yang tidak mengikut landasan syariat yang sebenar namun pelaburan yang diharuskan dalam Islam masih terus kekal dalam amalan hidup masyarakat kita. Sebagai contoh pembelian kereta, rumah, tanah, menyimpan wang di institusi perbankan Islam,

dan lain-lain lagi. Pelaburan yang haram dan tidak diiktiraf oleh undang-undang juga masih wujud di dalam masyarakat kita seperti Empat Nombor Ekor, saham dalam penjualan arak, pertaruhan dalam 'Skim Cepat Kaya', dan lain-lain lagi.

:

Oleh yang demikian, aplikasi tanpa sedar ini perlu dijelaskan kepada masyarakat kita terutama warga tua yang kurang mendapat pendidikan formal tentang pelaburan. Penjelasan yang sebenar tentang konsep, ciri-ciri dan bentuk-bentuk pelaburan perlu diberikan secara konsitan kepada masyarakat kita supaya mereka tahu bahawa apa jua bentuk transaksi yang mereka lakukan, ada diantaranya boleh dikaitkan dengan pelaburan. Malah yang lebih utama masyarakat perlu sedar dan mengenali pelaburan yang diluluskan oleh perundangan negara dan Islam supaya tidak terjebak dalam aktiviti yang merugikan diri dan masyarakat secara umum.

2.2 Definisi Pelaburan

2.2.1 Definisi Dari Segi Bahasa

Definisi pelaburan dari segi bahasa boleh dilihat dari beberapa penggunaan bahasa yang ada. Seperti contohnya dalam penggunaan Bahasa Melayu, pelaburan didefinisikan sebagai satu jumlah wang (modal dan sebagainya) yang dilaburkan dalam sesuatu urusniaga dan sebagainya adalah dianggap sebagai penanaman modal. Begitu juga ianya sebagai sesuatu yang dibeli dengan harapan akan mendapat keuntungan yang berlipat ganda.¹

Pelaburan juga boleh dikaitkan dengan satu perancangan yang panjang untuk masa hadapan. Ia melibatkan pena'kulan yang mendalam sebelum membuat sebarang keputusan. Dalam konteks Bahasa Melayu, apa jua yang mendatang kebaikan dan manfaat di masa hadapan dianggap melabur. Sebagai contoh pemilikan anak-anak. Ia juga merupakan satu bentuk pelaburan yang besar dalam kehidupan manusia. Pelaburan ini akan mempengaruhi corak kehidupan ibu bapa terbabit di masa hadapan. Contoh yang lain ialah ilmu yang tinggi. Ia juga merupakan satu bentuk pelaburan masa hadapan yang amat penting bagi menjamin kesinambungan ilmu itu berterusan dari satu generasi kepada generasi yang lain.

Dalam konteks penggunaan pelaburan dalam Bahasa Inggeris (*invest*) pula ia dilihat sebagai penggunaan wang untuk membeli aset atau harta tertentu. Ia juga dilihat sebagai cara untuk mendapatkan wang atau keuntungan. Malah melabur juga merupakan satu bentuk penganugerahan terhadap kekuasaan seseorang atau menganugerahkan sesuatu atas kerja yang dilakukan.²

2.2.2 Definisi Pelaburan Menurut Ekonomi Konvensional

Perbahasan mengenai definisi pelaburan merupakan suatu perkara yang amat sukar untuk ditafsirkan. Ini kerana proses pelaburan berbeza mengikut suasana, keadaan masyarakat dan juga masa atau situasi yang ada. Namun demikian, secara umumnya, definisi pelaburan boleh dilihat dari dua aspek iaitu dari segi sosial dan yang kedua dari perspektif ekonomi.³

Melihat kepada aspek sosial, pelaburan bolehlah ditafsirkan sebagai satu sumber kekayaan⁴. Ini bermaksud apabila berlaku pertambahan kepada pelaburan, maka berlakulah pertambahan kepada kekayaan. Manakala dari sudut ekonomi pula, pelaburan bolehlah didefinisikan sebagai satu bentuk urusniaga yang melihatkan penglibatan dana pada masa sekarang bagi memperolehi pendapatan pada masa hadapan⁵. Apabila merujuk kepada definisi di atas, pelaburan bolehlah dianggap sebagai satu aktiviti pertukaran yang mana harta atau dana yang digunakan yang dimiliki oleh individu tertentu menjadi asas kepada perolehan pendapatan dan penambahan nilai kewangan yang sedia ada.

Kamus Pelaburan pula telah mendefinisikan pelaburan sebagai penggunaan wang atau dana bagi aktiviti tertentu, yang diharapkan akan menghasilkan pulangan yang lebih pada masa hadapan.⁶ Oleh itu, dalam definisi yang diberikan di dalam kamus pelaburan ini, ia merujuk kepada satu proses pencarian keuntungan pada masa hadapan. Justeru, keuntungan atau kerugian yang bakal diperolehi boleh jadi dalam tempoh yang cepat atau lambat. Ia bergantung kepada jenis pelaburan yang dilakukan oleh seseorang pelabur itu.

Selain daripada itu, pelaburan juga boleh ditakrifkan sebagai permintaan ke atas barang-barang semasa yang bertujuan untuk digunakan pada masa hadapan. Lazimnya pelaburan disamaartikan dengan pembentukan modal iaitu apabila terdapat pertambahan dalam stok modal. Pelaburan juga meliputi keadaan-keadaan berikut:

1. Barang-barang modal, iaitu pembelian atas alat-alat jentera, perkakas dan kilang.

2. Stok, iaitu barang-barang mentah, barangan separa siap dan barangang akhir yang belum dijual.
3. Perbelanjaan ke atas binaan iaitu pembelian rumah dan bangunan.⁷

§

Mengikut definisi ekonomi konvensional secara umumnya, pelaburan didefinisikan sebagai satu aktiviti yang melibatkan pembelian apa juga aset (harta) sama ada aset hakiki atau kewangan, yang menawarkan jangkaan pendapatan atau keuntungan modal atau kedua-duanya sekali.⁸ Selain daripada itu, pelaburan juga boleh ditakrifkan secara ringkasnya sebagai satu bentuk pertukaran wang tunai untuk suatu aset dengan harapan aset tersebut menghasilkan pulangan yang menguntungkan⁹ pada masa hadapan.

Menurut Frank K.Reilly di dalam bukunya pula, pelaburan atau *investment* bolehlah didefinisikan sebagai:

...
...

"Investment is the current commitment of funds for a period of time in order to derive a future flow of funds that will compensate the investing unit for the time the funds are committed, for the expected rate of inflation, and also for the uncertainty involved in the future flow of funds."¹⁰

Menurut definisi di atas ia menunjukkan bahawa pelaburan melibatkan satu bentuk pengaliran wang dalam tempoh tertentu yang melibatkan risiko-risiko tertentu dan mendambakan satu pulangan yang diharapkan. Selain daripada itu, definisi yang diberikan oleh Reilly melibatkan semua jenis atau bentuk pelaburan

sama ada pelaburan syarikat ataupun pelaburan individu seperti bond, komoditi, saham, pasaran hadapan dan lain-lain.

Bagi Robert C.Radcliffe pula, beliau telah mendefinisikan pelaburan sebagai:

“The sacrifice of (certain) current wealth for (possibly uncertain) future wealth.”¹¹

Merujuk kepada definisi ringkas di atas, Radcliffe memberikan satu definisi yang umum terhadap pelaburan. Ia merujuk kepada satu bentuk usaha yang memerlukan pelabur membuat sedikit pengorbanan awal iaitulah yang dianggap sebagai modal bagi mendapatkan sejumlah keuntungan di masa hadapan. Walaupun masyarakat umum mengetahui bahawa pelaburan ini mempunyai pelbagai bentuk risiko yang boleh mempengaruhi keuntungan yang bakal diperolehi, namun pengaruh sejumlah keuntungan yang besar menjadi matlamat utama. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa masih ramai manusia melabur walaupun mengetahui secara jelas tentang risiko yang bakal didepani.

Secara khususnya pula, apabila memperkatakan tentang pelaburan, mereka yang terlibat dalam aktiviti ini atau dengan kata lain dipanggil pelabur mentakrifkan pelaburan sebagai penanaman modal pada hari ini dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan pada masa hadapan sama ada dalam bentuk faedah, dividen, sewaan atau kenaikan harga. Atau dengan kata ia merupakan satu penglibatan wang (*commitment*) untuk kemasukan pada masa akan datang dalam bentuk-bentuk yang disebutkan di atas.¹² Merujuk kepada Kamus

Pelaburan, ia didefinisikan sebagai penggunaan wang atau dana bagi aktiviti tertentu yang diharapkan pada masa hadapan.¹³

Selain daripada itu, menurut pandangan pelabur-palabur individu, atau pihak yang memiliki modal, pelaburan bolehlah dimaksudkan sebagai penanaman modal pada hari ini dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan pada masa hadapan sama ada dalam bentuk faedah, dividen sewaan, atau kenaikan harga.¹⁴ Oleh itu, dalam bentuk pelaburan aset kewangan, secara ringkasnya pelaburan adalah satu aktiviti penanaman modal kini dengan jangkaan untuk mendapatkan pulangan positif pada masa akan datang selepas mengambil risiko.¹⁵ Pelaburan yang dijalankan oleh mana-mana pelabur dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu pelaburan jangka panjang (*long term investment*), pelaburan jangka pendek (*short term investment*) dan pelaburan jangka pertengahan (*intermediate term investment*)¹⁶. Ketiga-tiga jenis pelaburan ini berbeza dari segi tempoh masa yang diambil oleh seseorang pelaburan itu.

Berasaskan kepada definisi-definisi yang diberikan, dapatlah kita simpulkan di sini bahawa apabila seseorang individu itu atau pelabur itu terlibat dalam aktiviti pelaburan, dia akan melibatkan diri dalam beberapa aktiviti utama¹⁷ seperti penanaman modal¹⁸, peralihan masa¹⁹, pulangan²⁰ dan risiko²¹. Selain daripada itu, bagi pelaburan konvensional matlamat utama dalam pelaburan yang dibuat ialah untuk mendapatkan keuntungan yang berganda daripada pelaburan yang dibuat.

2.3 Ciri-ciri Pelaburan Konvensional

Bersandarkan kepada definisi-definisi yang diberikan oleh pemikir-pemikir dan pengamal-pengamal ekonomi di atas, dapatlah kita lihat bahawa pelaburan konvensional memiliki empat ciri-ciri utama iaitu penanaman modal, melibatkan pertukaran masa, menjangkakan pulangan yang positif dan terdedah kepada risiko.²² Selain daripada itu, terdapat juga pemikir ekonomi lain yang melihat pelaburan melalui 5 ciri-ciri yang agak berlainan iaitu Penanaman Modal (*Capital Gains*), Peralihan Masa (*Time Horizon*), Kecairan (*Liquidity*), Terdedap Kepada Risiko dan Ketidakpastian (*Risk and Uncertainty*) dan Menjangkakan Pulangan Yang Positif (*Positive Return*).²³

2.3.1 Penanaman Modal (*Capital Gains*)

Modal (*capital*) merupakan satu entiti yang paling utama dalam apa juar bentuk perniagaan. Dalam pelaburan pula, modal dianggap sebagai jantung yang dapat menggerakkan satu-satu aktiviti pelaburan tersebut. Modal didefinisikan sebagai dana yang biasanya diperolehi daripada penjualan saham, sekuriti pendapatan tetap²⁴, dan juga perolehan tertahan²⁵ seperti hasil jualan dan lain-lain. Dalam sesuatu peniagaan, selalunya terdapat beberapa jenis modal yang akan diumumkan untuk pengetahuan orang ramai dan pelabur khususnya. Modal-modal yang dimaksudkan ialah²⁶ modal belum terbit (*unissued capital*), modal berbayar (*paid-up capital*), modal dibayar (*paid-in capital*), modal dibenarkan (*authorised capital*) dan modal diterbit (*issued capital*).

Modal belum diterbit merupakan modal yang dibenarkan bagi sesebuah syarikat yang masih belum diterbitkan untuk dipohon pembeliannya oleh orang awam.²⁷ Modal berbayar pula ialah modal dibenarkan bagi sesebuah syarikat yang dipohon beli dan telahpun dibayar oleh pemegang sahamnya.²⁸ Modal dibayar merujuk kepada ekuiti pemegang saham yang terhasil daripada terbitan saham yang dijual melebihi nilai tara, atau terhasil melalui aset yang didapati secara pemberian daripada pihak lain.²⁹ Modal dibenarkan merupakan jumlah modal saham yang dibenarkan diterbit oleh syarikat mengikut memorandum persatuan syarikat tersebut.³⁰ Manakala modal diterbit ialah modal dibenarkan yang diperoleh daripada wang yang disumbangkan oleh pemegang saham yang membeli terbitan baru.³¹

Sebagai tambahan, penanaman modal juga merujuk kepada sejumlah wang atau dana yang perlu dilaburkan bagi mendapatkan apa juga bentuk aset yang diingini yang akan digunakan bagi tujuan penjanaan pulangan.³² Dengan kata lain, modal diperlukan dalam pelaburan untuk mendapatkan pulangan yang dijangka dan ia juga mendapat prioriti untuk menjana aset syarikat yang terbabit.

Modal merupakan isu utama dalam sesuatu pernagaan apakah lagi apabila melibatkan diri dalam pelaburan. Ini kerana dalam pelaburan, modal merupakan bahan pusingan yang menjadi subjek utama dalam pelaburan yang dijalankan. Untuk menggerakkan sesuatu syarikat sebagai contoh, modal permulaan bagi syarikat berkenaan menjadi faktor tinjauan bagi pelabur-pelabur untuk terus melabur dalam syarikat terbabit.

Dalam sebarang bentuk pelaburan, jika modal yang ditawarkan kepada pelaburan memberangsangkan dan dapat menarik ramai pelabur, maka kebarangkalian pelaburan itu akan mencapai target yang dikehendaki akan cerah. Oleh itu, salah satu ciri utama pelaburan konvensional ini banyak memberikan kesan yang besar kepada pelaburan yang bakal dihadapi.

2.3.2 Peralihan Masa (*Time Horizon*)

Apabila kita merujuk kepada kebanyakan definisi yang diberikan tehadap pelaburan oleh pakar-pakar ekonomi konvensional, perkataan ‘*future*’ atau masa hadapan merupakan antara ciri utama dalam pelaburan ini. Sifat masa ini merupakan satu perkara yang amat rapat dengan aktiviti pelaburan tidak kira masa yang diambil itu terlalu singkat atau terlalu lama. Oleh itu, tidak hairanlah pelaburan dibahagikan mengikut jangkamasa pertukaran masa yang terlibat sama ada pelaburan jangkamasa pendek, sederhana atau panjang. Sebagai contoh ada sesetengah pelabur yang hanya memakan masa beberapa saat sahaja untuk membeli dan menjual semula saham yang dilaburkan. Terdapat juga pelabur yang memakan masa yang lama untuk menjual semula aset dalam pelaburan yang dibuat seperti pelaburan dalam sektor hartanah. Ia kadangkala memakan masa puluhan tahun atau lebih dari itu. Apa yang penting, dengan pertukaran masa ini, pelabur mengharapkan sejumlah keuntungan siperolehi daripada pelaburan yang dibuat.

Terdapat beberapa jenis pelaburan yang ditinjau dari segi jarak masa ini. Yang pertama, pelaburan jangka panjang yang dijalankan untuk tempoh masa

yang panjang, selalunya melebihi satu tahun. Seterusnya, pelaburan jangka pendek pula dijalankan untuk tempoh masa yang kurang daripada satu tahun. Dalam konteks pasaran saham, ia hanya melibatkan tempoh masa yang sangat singkat, seperti beberapa hari atau minggu. Manakala yang terakhir, pelaburan jangka pertengahan dijalankan untuk tempoh di antara jangka pendek dengan jangka panjang, biasanya di antara satu hingga lima tahun. Dalam pasaran komoditi dan opsyen, pelaburan yang dijalankan hanya untuk tempoh beberapa bulan sahaja.³³

Walau bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, masa akan menjelaskan pelaburan yang dibuat. Oleh itu, dalam menilai perubahan masa yang diambil oleh pelabur, mereka perlu bijak memainkan peranan masa dan cekap meneliti keadaan semasa dan sekeliling supaya tidak mengalami kerugian. Kadangkala berlaku keadaan dimana kerugian akibat pertukaran masa tidak dapat dihindarkan. Sebagai contoh pelaburan dalam aset-aset tertentu seperti kenderaan. Ini kerana nilai sesebuah kenderaan akan berkurangan dengan bertambahnya masa oleh sebab kereta mempunyai susut nilai yang tertentu.

2.3.3 Menjangkakan Pulangan Yang Positif (*Positive Return*)

Setiap individu yang menceburi bidang pelaburan sudah pasti mengharapkan pulangan yang positif daripada pelaburan yang dilakukan. Pulangan daripada pelaburan diukur sebagai jumlah keuntungan ataupun kerugian yang diterima oleh pelabur selepas sesuatu tempoh tertentu.³⁴ Lazimnya apabila disebut mengenai pulangan, masyarakat umum akan melihat kepada keuntungan

sahaja. Namun, sebenarnya pulangan turut melibatkan keuntungan seperti yang dikehendaki dan juga kerugian seperti yang cuba dielakkan.

Bagi perspektif para sarjana ekonomi konvensional pelaburan sering dilihat melalui beberapa kepentingan utama. Yang pertama, pelaburan dianggap sebagai satu cara untuk menambahkankekayaan individu tertentu. Ia juga berperanan sebagai satu cara untuk meningkatkan kestabilan ekonomi keluarga dengan mendapat pulangan sewajarnya daripada simpanan yang dibuat.³⁵

Oleh yang demikian, pulangan yang diharapkan melalui faedah, dividen, pendapatan biasa, bonus dan juga pulangan modal menjadi matlamat pelabur. Semakin besar nisbah pulangan yang dijangkakan akan diperolehi, maka semakin menariklah sesuatu pelaburan itu.³⁶ Pulangan boleh dilihat melalui tiga cara iaitu dalam bentuk faedah (pelaburan pulangan tetap), dividen (pelaburan saham) atau sewaan (pelaburan aset tetap).³⁷

2.3.4 Terdedap Kepada Risiko dan Ketidakpastian (*Risk and Uncertainty*)

Aktiviti pelaburan sering dikaitkan dengan risiko yang terpaksa dihadapi oleh seseorang pelabur. Dalam takrifan yang paling ringkas, risiko sering didefinisikan sebagai peluang menghadapi kerugian.³⁸ Ini adalah definisi yang biasanya diberikan oleh para pelabur biasa yang mana mereka membuat pelaburan secara berkala dan bukannya berterusan. Yang amat jelas, risiko tidak dapat dielakkan dalam urusniaga, tetapi tuntutan-tuntutan kewangan boleh dibuat untuk

memenuhi perbezaan masa dan risiko yang dipilih oleh para pelabur.³⁹ Ini bermaksud, pelabur-pelabur boleh bertindak bijak mengikut kemampuan yang ada sama ada untuk menempuh risiko yang kecil atau yang besar. Lazimnya, semakin tinggi risiko, semakin tinggi pulangan yang akan diperolehi oleh seseorang pelabur itu.⁴⁰

Hakikatnya, apabila kita merujuk kepada definisi risiko dari perspektif kewangan, risiko bukan sahaja dilihat sebagaimana yang diperkatakan di atas iaitu peluang untuk menghadapi kerugian, malah ia juga meliputi peluang untuk mendapatkan keuntungan.⁴¹ Oleh yang demikian, jika kita lihat definisi yang kedua, risiko merupakan perkara yang amat penting yang memerlukan satu justifikasi pelabur secara mendalam sebelum membuat keputusan untuk melakukan sebarang bentuk pelaburan sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang.

Risiko dalam pelaburan konvensional merupakan satu perkara yang menjadi bahan utama dalam proses penyelidikan sesuatu pelaburan sebelum sebarang pelaburan dibuat. Oleh itu, kebanyakan buku mengenai pelaburan konvensional akan memperkatakan tentang risiko (*risk*) dan cara-cara untuk mengenalpasti risiko serta teori-teori tertentu bagi menilai risiko yang bakal dihadapi oleh pelabur terbabit. Oleh itu kebanyakan pelabur akan cuba mengelakkan diri daripada terdedah kepada risiko yang besar⁴² kerana apa yang dikehjarnya adalah keuntungan yang besar dan bukan risiko yang dibanggakan.

Tuntasnya, dalam apa juar jenis pelaburan yang dibuat, sebagai contoh dalam perniagaan kedai runcit, pemilik kedai atau pemilik modal akan juga

menghadapi tekanan dari segi risiko. Begitu juga dalam pelaburan saham yang terdedah dengan spekulasi, kedaan politik, psikologi pelabur dan, lain-lain sudah pasti akan menjurus kepada satu bentuk risiko yang lebih besar.

4

2.3.5 Kecairan (*Liquidity*)

Dalam sebarang bentuk pelaburan, kecairan dianggap sebagai satu perkara atau unsur yang banyak mempengaruhi minat pelabur. Satu-satu aset itu akan dianggap mempunyai darjah kecairan yang tinggi jika ia mampu untuk ditukarkan kepada tunai dengan harga semasa dalam pasaran yang ada.⁴³

Sebagai contoh, akaun simpanan adalah satu bentuk pelaburan yang amat cair.⁴⁴ Ini kerana, aset atau wang yang disimpan akaun simpanan boleh dikeluarkan oleh pendeposit atau pelabur secara terus dari bank. Pada hari ini dengan adanya kemudahan Mesin Pengeluar Wang (*Auto Teller Machine-ATM*) kecairan pelaburan jenis ini semakin bertambah.

Dalam pelaburan yang mempunyai tahap kecairan yang kurang pula, pelaburan itu akan dilihat kurang menarik. Ini kerana dengan adanya kemudahan kecairan ini, penukaran aset-aset semasa ke dalam bentuk wang tunai dalam masa yang singkat dapat dilaksanakan tanpa mengalami perubahan harga yang ketara.⁴⁵ Dalam pelaburan seperti inventori iaitu aset semasa sesebuah syarikat yang dibeli bagi tujuan jualan semula untuk mendapatkan keuntungan⁴⁶, ia dianggap sebagai satu pelaburan yang mempunyai darjah kecairan yang amat rendah kerana ia

memerlukan masa atau tempoh yang panjang untuk diniagakan dan ia juga terdedah kepada kemerosotan harga yang amat ketara.⁴⁷

Lazimnya, pelaburan yang mempunyai darjah kecairan yang tinggi memberikan pulangan yang rendah. Sebagai contoh akaun simpanan yang dilakukan oleh kebanyakan pelabur.⁴⁸ Peratus dividen atau faedah yang diberikan atau dengan kata lain keuntungan adalah rendah dan selalunya antara 3 % hingga 8 %. Akan tetapi, dalam pelaburan yang mempunyai darjah kecairan yang rendah, lazimnya ia memberikan pulangan yang tinggi kerana darjah risiko yang dihadapi oleh peniaga juga tinggi.⁴⁹ Sebagai contoh dalam pelaburan dalam sektor hartanah. Walaupun darjah kecairannya agak tinggi dan memerlukan satu tempoh yang panjang untuk memperolehi keuntungan yang berganda, namun ia dapat memberikan pulangan besar kepada pelabur. Contoh yang lain ialah pelaburan terhadap kutipan bahan seperti barang antik, barang seni, syiling emas, perak, setem dan lain-lain lagi.⁵⁰ Kebiasanya barang-barangan ini akan dijual dalam pasaran lelong dan memperlihatkan penawaran harga yang amat tinggi oleh pelabur yang berminat berbanding harga asal. Oleh itu, palaburan ini dianggap sebagai satu bentuk hobi dan minat sahaja berbanding ingin terlibat dalam pelaburan.⁵¹ Yang pasti, pelaburan jenis ini banyak dimonopolikan oleh mereka yang bergelar hartawan dan jutawan.

Faktor kecairan ini merupakan satu perhitungan yang besar kepada palbur. Ini kerana ia melibat hampir semua ciri-ciri pelaburan di atas. Sebagai contoh, kecairan yang rendah akan memberikan pulangan yang besar dan kecairan yang tinggi menjangkakan pulangan yang kecil. Dari segi risiko pula, kecairan yang

tinggi mempunyai darjah risiko yang rendah dan begitu juga dengan kecairan yang rendah terdedah kepada risiko yang tinggi.

2.4 Bentuk-bentuk Pelaburan Konvensional

Pelaburan dalam ekonomi konvensional terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian ini merujuk kepada amalan pelaburan yang dijalankan oleh pihak pelabur dan juga merujuk kepada bentuk aset yang terlibat dalam perlubaran itu. Terdapat enam jenis bentuk pelaburan yang dijalankan oleh pelabur-pelabur di negara ini seperti pelaburan tunai atau hutang, pelaburan cikuiti, pelaburan aset hakiki, pelaburan pasaran hadapan dan pelaburan kutipan bahan.

2.4.1 Pelaburan Tunai/Hutang

Pelaburan ini berbentuk pelaburan tetap kerana syarikat pengeluar memberi jaminan untuk membuat pembayaran secara tetap kepada pelaburnya.⁵² Ini kerana, dalam pelaburan tunai atau hutang, pelabur membuat pelaburan dalam simpanan mereka dan pihak syarikat pengeluar akan memberikan keuntungan atau disebut sebagai faedah yang telah ditetapkan di peringkat awal pelaburan dibuat. Keuntungan tersebut akan diberikan oleh pihak syarikat kepada pelabur setiap akhir tahun kewangan bagi syarikat terhabit atau pada akhir tempoh matang.⁵³ Sekiranya tanggungjawab ini diingkari oleh syarikat pengeluar, maka tindakan mahkamah boleh dikenakan ke atas mereka.⁵⁴

Terdapat pelbagai jenis pelaburan tunai atau hutang yang menjadi amalan syarikat-syarikat di negara kita. Antaranya ialah akaun tabungan, simpanan tetap, bil perpendaharaan, kertas dagangan, bon, akaun pelaburan, sijil simpanan premium, sijil simpanan boleh niaga dan insurans nyawa.

‡

Sebagai contoh, bil perpendaharaan. Ia merupakan satu bentuk pelaburan yang hanya ditawarkan dan dikeluarkan oleh kerajaan melalui bank pusat. Secara ringkas, ia merupakan satu alat hutang jangka pendek dan ia memberi hak kepada pemegang terhadap jumlah bayaran yang ditetapkan iaitu nilai muka pada satu tarikh matang tertentu.⁵⁵ Melihat kepada realitinya di Malaysia, bil perpendaharaan ini dilaksanakan oleh Bank Negara melalui tender kepada orang perseorangan, agensi kerajaan, dan syarikat.⁵⁶

Oleh itu, dalam pelaburan melalui bil perpendaharaan ini, risiko yang dihadapi oleh pelabur mendapat jaminan daripada kerajaan. Ia dianggap sebagai pelaburan yang paling selamat dan mempunyai darjah kecairan yang paling tinggi di kalangan pelaburan yang ada di negara kita.⁵⁷ Oleh itu, dengan ciri-ciri yang menarik ini, rakyat Malaysia khususnya lebih banyak tertumpu kepada bentuk pelaburan jenis ini.

Akaun Tabungan juga merupakan salah satu pelaburan tunai atau hutang agak agak popular di negara kita. Pelaburan ini ditawarkan oleh bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan, bank-bank koperasi dan bank-bank pertanian. Pelaburan melalui akaun tabungan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (Pindaan).⁵⁸ Pelaburan jenis ini

juga lebih selamat dimana ia juga turut mendapat jaminan penuh daripada kerajaan.

Bentuk pelaburan yang dibuat dalam akaun tabungan ini ialah melalui kadar faedah atau peratusan keuntungan yang bakal diperolehi telah ditetapkan terlebih dahulu oleh bank dan syarikat kewangan terbabit. Pihak bank dan syarikat kewangan dianggap sebagai penerima hutang dan pihak pelabur atau pendeposit dianggap sebagai pihak pemberi hutang.⁵⁹ Oleh yang demikian, bagi akaun tabungan, tempoh matang itu tidak wujud dan kontrak antara pendeposit atau pelabur dan syarikat akan terputus dan termansuh apabila pelabur menutup akaun mereka, ataupun pelabur meninggal dunia atau berlaku apa sahaja keadaan yang boleh menamatkan kontrak antara kedua-duanya.⁶⁰

Kebanyakan pelabur pada hari ini khususnya di Malaysia lebih banyak tertumpu kepada Akaun Tabungan. Disamping ia mendapat jaminan yang penuh daripada kerajaan, akaun ini juga menunjukkan tahap kecairan yang tinggi.⁶¹ Pelabur atau pendeposit boleh mendapatkan wang mereka secara terus dari pihak bank atau syarikat terbabit dan pada hari ini dengan adanya mesin mengeluar wang (*Autoteller Machine*), pelabur boleh mengeluarkan wang mereka selama 24 jam di seluruh negara. Dengan adanya kemudahan seperti ini, lebih banyak pelabur yang berminat untuk melabur dalam sesbuah syarikat kewangan. Dengan demikian, akan wujudlah persaingan yang sihat di kalangan pengeluar untuk menarik lebih banyak pelabur untuk melabur di syarikat-syarikat kewangan mereka.

2.4.2 Pelaburan Ekuiti

Pelaburan ekuiti merujuk kepada pemilikan saham atau pemilikan sekuriti.

Dalam pelaburan ini, para pelabur memiliki kepentingan bersama dalam syarikat yang mereka laburi. Secara asas ekuiti membawa maksud penyata milikan seseorang pemegang saham terhadap sesebuah syarikat.⁶² Oleh itu, sebagai pemilik bersama sesebuah perniagaan, tanggungan mereka hanyalah terhad kepada jumlah sumbangan modal dan pegangan saham yang disumbangnya sahaja.⁶³

Dalam pelaburan jenis pemilikan saham ini, terdapat beberapa jenis produk yang ditawarkan dalam pelaburan ini. Sebagai contoh penulis akan membawa dua bentuk saham yang menjadi minat kebanyakan pelabur iaitu saham biasa dan saham keutamaan. Saham biasa atau biasanya disebut sebagai sekuriti pendapatan sisa⁶⁴ merupakan saham yang diterbitkan oleh sesebuah syarikat sebagai pertukaran dengan modal yang dibekalkan kepada syarikat tersebut. Pemilik saham mempunyai hak asas iaitu hak berkongsi perolehan, hak ke atas aset syarikat, hak pengundian, hak memilih lembaga pengarah dan hak mendapat terbitan baru.⁶⁵ Oleh itu, dalam saham ini, pemegang saham akan menerima keuntungan melalui dividen yang dibayar setiap tahun dan juga kenaikan harga saham terbabit. Sekiranya firma maju, maka pemegang saham akan menjadi beneficiari yang utama, tetapi jika firma goyang maka pemegang saham ini merupakan pihak yang paling rugi.⁶⁶

Saham keutamaan pula merupakan sekuriti kacukan⁶⁷ yang mendapat keutamaan dari segi pembayaran dividen sebelum pembayaran dikeluarkan

kepada pemegang saham biasa. Pemegang saham juga mendapat keutamaan dari segi pengagihan aset syarikat sekiranya syarikat dibubarkan. Bagi saham ini, kadar dividen telah ditetapkan lebih awal oleh firma atau syarikat terbabit. Akan tetapi, bagi pemegang saham keutamaan ini, hak mengundi lembaga pengarah tiada.⁶⁸

Pelaburan ekuiti boleh dilaksanakan dalam beberapa cara iaitu pelaburan langsung, pelaburan secara perantaraan dan pelaburan secara berkoperasi. Pelaburan langsung merupakan satu keadaan dimana para pelabur adalah pemegang saham biasa dan mereka berkongsi secara langsung dalam syarikat yang sahamnya disenaraikan di bursa saham.⁶⁹ Sebagai contoh pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam anak-anak syarikat yang dimilikinya.

Bagi pelaburan secara perantaraan pula, para pelaburnya adalah pemegang saham amanah atau pemegang unit dan mereka berkongsi secara tidak langsung dalam pelbagai syarikat sama ada yang disenaraikan atau tidak disenaraikan di bursa saham.⁷⁰ Sebagai contoh pelaburan dalam Amanah Saham Wanita (ASNITA). ASNITA sebagai firma pengantara antara pemegang saham dan syarikat yang menawarkan saham akan menguruskan dana pelabur secara Islam dan berlandaskan syariah.⁷¹

Pelaburan secara berkoperasi pula merujuk kepada pelaburan dalam apa jua koperasi dimana pelabur merupakan ahli koperasi terbabit. Pelabur dan koperasi adalah berkongsi bersama dalam sebarang perniagaan koperasi dari segi untung ruginya.⁷² Sebagai contoh, pelaburan dalam Koperasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Berhad akan memungkinkan pelabur untuk menerima

keuntungan daripada perniagaan yang dibuat oleh koperasi dalam kedai-kedai buku, projek-projek perumahan, dan lain-lain lagi.

2.4.3 Pelaburan Aset Hakiki

Pelaburan aset hakiki atau benar ini merujuk kepada pembelian aset atau harta tetap⁷³. Pemilik aset ini boleh mendapatkan keuntungan dari pelaburan yang dibuat melalui penggunaan harta terbabit, penyewaan harta itu kepada pihak lain atau daripada penjualan aset terbabit selepas tempoh tertentu. Kebiasaannya, pelaburan ini melibatkan satu jangkamasa yang agak panjang.

Dalam pelaburan aset hakiki ini, ia melibatkan dua jenis aset iaitu aset hakiki melekat dan aset hakiki boleh alih. Aset hakiki melekat merupakan pelaburan terhadap aset-aset yang tidak mudah alih⁷⁴ dan dapat memberikan pulangan yang berterusan kepada pelabur melalui penggunaan, penyewaan, pajakan ataupun penjualan terus aset terbabit. Sebagai contoh tanah, bangunan, kilang, dan lain-lain lagi. Pelaburan jenis ini agak popular di kalangan pelabur memandangkan risikonya yang rendah. Pelaburan dalam bentuk ini juga dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada pelabur selepas beberapa tempoh yang lama.

Aset Hakiki boleh alih pula merupakan pelaburan dalam pembelian aset-aset boleh alih⁷⁵ seperti mesin, kendaraan, kelengkapan rumah atau pejabat, perabot, jentera, dan lain-lain. Dalam pelaburan ini keuntungan boleh diperolehi dalam pelbagai cara. Antaranya ialah dengan menyewakan aset terbabit atau

menjualkannya setelah satu tempoh yang lama. Walau bagaimanapun, selalunya pelaburan dalam aset seperti ini lebih tertumpu kepada keperluan individu dan kegunaan individu terbabit secara berterusan.

‡

2.4.4 Pelaburan Pasaran Hadapan

Pelaburan pasaran hadapan adalah pelaburan berkontrak dimana para pelabur bertanggungjawab untuk memenuhi kontrak jual-beli apabila sampai tempohnya. Tempoh ini selalunya telah ditetapkan terlebih dahulu di antara pelabur dan syarikat atau firma terbabit. Salah satu ciri terpenting dalam pelaburan ini ialah butiran penting urusniaga seperti harga dan kuantiti ditetapkan terlebih dahulu untuk urus niaga pada masa akan datang.⁷⁶

Antara jenis-jenis pelaburan yang merupakan pelaburan pasaran hadapan ialah pelaburan komoditi, pelaburan tukaran asing dan pelaburan indeks saham. Pelaburan komoditi merupakan antara pelaburan pasaran hadapan yang popular di kalangan syarikat-syarikat besar seperti Tabung Haji, Sime Darby, Petronas dan lain-lain dimana pelaburan ini berasaskan kepada komoditi utama dunia yang diniagakan secara rasmi di pasaran komoditi⁷⁷ seperti minyak sawit mentah, petroleum, emas, dan lain-lain. Komoditi secara asas merujuk kepada sesuatu barang yang boleh dikeluarkan oleh tanah sama ada melalui penggalian (logam), penanaman (tanaman), atau pemeliharaan (termakan).⁷⁸

Pelaburan Tukaran Asing pula melibatkan urusniaga antara satu matawang sesebuah negara tertentu dengan matawang sesebuah negara lain. Di Malaysia,

pelaburan jenis ini masih tidak dianggap sebagai satu bentuk pelaburan memandangkan pelanggan menggunakan mereka sebagai satu perkhidmatan sekongan kepada mereka yang terlibat dengan urusan eksport dan import dan juga dalam bidang pelancongan.⁷⁹

‡

Seterusnya pelaburan indeks saham yang merupakan pelaburan dalam bidang saham yang berdasarkan kepada angka tunjuk utama di bursa saham sesebuah negara.⁸⁰ Pada hari ini di Malaysia, pelaburan saham merupakan antara sektor yang agak aktif. Tambahan pula, di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sudah banyak syarikat yang menamakan syarikat mereka dalam BSKL dan keadaan ini akan meningkatkan daya persaingan di kalangan syarikat lantas menarik ramai pelabur untuk menyertai pasaran saham ini.

2.4.5 Pelaburan Kutipan Bahan

Pelaburan kutipan bahan melibatkan minat atau hobi seseorang dalam mengutip dan mengumpulkan bahan-bahan sama ada yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi, nilai seni yang unggul ataupun nilai ekonomi yang memberangsangkan seperti barang-barang antik, barang-barang kemas, syiling lama, setem, bahan-bahan purba, dan lukisan⁸¹. Selalunya, barang-barang ini banyak dijadikan koleksi peribadi terutamanya oleh golongan bangsawan dan koleksi mereka akan dijual dengan harga yang amat tinggi selepas beberapa tempoh yang lama. Di sesetengah keadaan, penjualan akan dibuat secara tawaran harga atau lelongan oleh syarikat-syarikat tertentu dan harga barang terbabit akan meningkat berkali ganda berbanding harga asal.

Sebagai contoh, dalam pelaburan barang-barang antik dan penjualan syiling lama yang mempunyai potret raja-raja tertentu. Pada suatu masa yang akan datang, barang-an antik dan wang syiling tersebut akan menjadi buruan penggemar barang-barang antik dan syiling lama. Maka harganya akan meningkat kepada jutaan ringgit yang tidak dijangkakan oleh pelabur semasa awal mereka memilikinya. Bagi barang-barang antik, semakin lama barang itu disimpan, semakin tinggi harganya akan melambung. Potret Monalisa juga antara bahan dalam pelaburan kutipan bahan yang mempunyai nilai yang amat tinggi sehingga mencecah jutaan ringgit. Pelaburan ini selalunya menjanjikan keuntungan yang besar. Akan tetapi pemilik barang terbabit lazimnya akan menyimpan koleksi mereka terutama yang mempunyai nilai estetika tertentu yang sudah pasti faktor ini akan menghalangnya dari menjual koleksi mereka itu.

Di negara kita walau bagaimanapun, pelaburan kutipan bahan masih belum mendapat tempat yang sewajarnya oleh masyarakat. Tambahan pula, masyarakat kita masih ramai yang kurang berminat membeli barang antik memandangkan harganya yang terlalu mahal. Jika ada, mereka yang melibatkan diri dalam pelaburan ini selalunya mempunyai kedudukan kewangan yang agak kukuh.

2.5 Kesimpulan

Manusia diangugerahkan oleh Allah Taala kemampuan untuk berfikir dan membuat keputusan. Dalam ketetapan yang ada ini, manusia masih lagi perlu menggunakan anugerah yang diberikan ini semaksimum mungkin dan pada jalan

yang memberi faedah kepada diri dan masyarakat. Perancangan yang teliti juga diperlukan bagi merealisasikan apa jua strategi yang digunakan bagi menggunakan anugerah yang ada.

Pelaburan turut merupakan salah satu perkara yang sama seperti anugerah Allah iaitu aqal. Ia perlu dijana dengan sempurna dan digunakan sebaiknya untuk menghasilkan satu natijah yang diingini. Jika pelaburan yang dibuat lari dari strategi dan perancangan yang ada, maka bukan untung yang akan tiba malah bala yang akan mendatang.

Realitinya, startegi pelaburan melibatkan semua jenis pelaburan yang ada sebagaimana yang dibincangkan dalam bab-bab terdahulu. Perancangan yang rapi dalam palaburan saham, hartanah, kewangan dan lain-lain lagi perlu dititikberatkan oleh pelabur. Selain daripada itu, pelabur juga perlu pandai membaca rentak perjalanan pelaburan pada masa akan datang bagi memastikan jalan yang diikuti tidak menyimpang dari landasan yang ada.

Yang utama, pelabur juga perlu faham dengan teliti walaupun secara dasar sahaja tentang pelaburan yang bakal diceburi. Dengan kata lain, pelabur yang berjaya dianggap sudah mahir tentang jenis-jenis atau bentuk-bentuk pelaburan yang ada, ciri-ciri yang lazimnya dimiliki oleh setiap jenis pelaburan itu. Dengan ilmu yang ada, pelabur akan dapat bergerak dengan lebih maju dan kehadapan.

Oleh yang demikian, bagi seseorang pelabur itu, semua aspek yang berkaitan dengan pelaburan sama ada perkara kecil atau besar perlu dikaji dan didalami supaya segala bentuk pelaburan yang dibuat mendapat pulangan yang

sepatutnya. Tidak hairanlah jika ramai yang beranggapan bahawa pelaburan dianggap sebagai satu perjudian. Akan tetapi, hakikatnya, perjudian yang dihadapi ini memerlukan aqal yang waras dan sempurna serta cekap.

Dengan itu, keberanian dan keyakinan yang tinggi dengan diri sendiri amat penting dan amat diperlukan bagi menjana samangat melabur di kalangan rakyat negara kita sama ada dalam pelaburan yang tidak atau kurang risiko seperti simpanan biasa atau yang berisiko besar seperti pelaburan dalam pasaran saham.

-
- ¹ Baharom (et.al) (1989), *Kamus Dewan*, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 688
- ² Joyce M.Hawkins (1991), *Oxford Dictionary*, c. 3, Oxford: Clarendon Press, h. 271
- ³ Ismail Ibrahim (1994), *Pelaburan Dalam Pasaran Saham Sekuriti, Hadapan dan Opsyen*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 3
- ⁴ *Ibid.*, h. 3
- ⁵ *Ibid.*, h. 3
- ⁶ Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *Kamus Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 110
- ⁷ Lim Boo How (1987), *Makro Ekonomi STPM*, Petaling Jaya: East View Production, h. 239
- ⁸ Muhammad Sobri Harun (Dr.)(1999), *Aḥkām al-Aswāq al-Мāliyyah*, Beirut: Dār al-Nafā'is, h. 185
- ⁹ Azlan Khalili Haji Shamsuddin (1993), *Yang Perlu Anda Tahu ; Saham dan Pelaburan*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 39
- ¹⁰ Frank K.Reilly (1995), *Investment Analysis And Portfolio Management*, c. 3, USA: The Dryden Press, h. 5; Lihat juga Frank K.Reilly et. al. (1995), *Investments*, c. 4, Orlando: Dryden Press, h. 5
- ¹¹ Radcliffe, Robert C. (1987), *Investment: Concepts, Analysis and Strategy*, Glenview: Scott, Foresman and co., h. 3
- ¹² Sobri Solomon (Dr.)(1989), *Ekonomi Islam: Pengenalan Sistem dan Kemungkinan*, Kuala Lumpur: Al-Rahmaniyyah (Badan Da'wah dan Kebangsaan Islam Malaysia), h. 136
- ¹³ Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *op. cit.*, h.110
- ¹⁴ Rosalan Haji Ali (1993), *Pelaburan: Penilaian dan Penerapan*, c. 2. Kuala Lumpur, h. 3
- ¹⁵ *Ibid.*, h. 3
- ¹⁶ Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *op. cit.*,h. 111
- ¹⁷ Suhaimi Salleh (1994), *Menceburi Bidang Pelaburan*, Singapura: Times Book Int. Dte. Ltd., h. 3
- ¹⁸ Sejumlah wang yang perlu dikeluarkan untuk membeli jenis atau bentuk pelaburan itu.
- ¹⁹ Jangkarnas dari hari instrumen itu pelaburan itu dibeli sehingga ia dijual.
- ²⁰ Pendapatan dari segi faedah, sewa, kenaikan modal, dan sebagainya.
- ²¹ Kemungkinan pelaburan yang dilakukan itu mengalami kerugian.
- ²² Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 3
- ²³ Azlan Khalili Haji Shamsuddin (1993), *op. cit.*, h. 42; Lihat juga *Ibid.*, h. 243-244
- ²⁴ Sekuriti yang memberikan pendapatan tetap kepada pemegangnya bagi satu tempoh tertentu. Misalnya debentur, bon dan stok pinjaman. Rujuk Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *op. cit.*, h. 160
- ²⁵ Pendapatan syarikat yang tidak diagihkan kepada pemegang saham, dan bertujuan untuk membesarakan operasi dan melabur semula dalam syarikat. Rujuk *Ibid.*, h. 138
- ²⁶ *Ibid.*, h. 90-91
- ²⁷ Modal dibenarkan bagi sesebuah syarikat yang masih belum diterbitkan untuk di[ohn pembeli oleh orang awam. Rujuk *Ibid.*, h. 90
- ²⁸ Modal dibenarkan bagi sesebuah syarikat yang dipohon beli dan telahpun dibayar oleh pemegang sahamnya. Rujuk *Ibid.*, h. 90
- ²⁹ Ekuuiti pemegang saham yang terhasil daripada terbitan saham yang dijual melebihi nilai tara, atau terhasil melalui aset yang didapat secara pemberian daripada pihak lain. Rujuk *Ibid.*, h. 91
- ³⁰ Jumlah modal saham yang dibenarkan diterbit oleh syarikat mengikut memorandum persatuan syarikat tersebut. Rujuk *Ibid.*, h. 91
- ³¹ Modal dibenarkan yang diperoleh daripada wang yang disumbangkan oleh pemegang saham yang membeli terbitan baru. Rujuk *Ibid.*, h. 91
- ³² Suhaimi Salleh (1994), *op. cit.*, h. 3
- ³³ Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *op. cit.*, h. 111
- ³⁴ Faudziah Zainal Abidin et.al. (2000), *Prinsip Pengurusan Kewangan*, Petaling Jaya: Prentice Hall, h. 132
- ³⁵ Charles P.Jones (2000), *Investment: Analysis and Management*, c. 7. USA: John Wiley and Sons, h. 6
- ³⁶ Abu Bakar Habin (2000), "Jabatan Pelaburan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)", (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur), h. 19
- ³⁷ Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 243
- ³⁸ Faudziah Zainal Abidin et.al. (2000), *op. cit.*, h. 131
- ³⁹ Azlan Khalili Haji Shamsuddin (1993), *op. cit.*, h. 41
- ⁴⁰ Ismail Ibrahim (1994), *op. cit.*, h. 6

-
- ⁴¹ Faudziah Zainal Abidin et.al. (2000), *op. cit.*, h. 131
- ⁴² Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 244
- ⁴³ Frank K.Reilly et. al. (1995), *op. cit.*, h. 37
- ⁴⁴ Azlan Khalili Haji Shamsuddin (1993), *op. cit.*, h. 43
- ⁴⁵ Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 107
- ⁴⁶ *Ibid.*, h. 275
- ⁴⁷ *Ibid.*, h. 107
- ⁴⁸ *Ibid.*, h. 241
- ⁴⁹ *Ibid.*, h. 241
- ⁵⁰ Frank K.Reilly et. al. (1995), *op. cit.*, h. 540-542
- ⁵¹ *Ibid.*, h. 541
- ⁵² Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 6
- ⁵³ Abu Bakar Habin (2000), *op. cit.* h. 21
- ⁵⁴ Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 6-7
- ⁵⁵ Abdul Ghafar Ismail (1991), *Pasaran Wang: Alat, Peranan Institusi dan Dasar Kewangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 32
- ⁵⁶ Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 8-9
- ⁵⁷ *Ibid.*, h. 9
- ⁵⁸ *Ibid.*, h. 7
- ⁵⁹ *Ibid.*, h. 7
- ⁶⁰ *Ibid.*, h. 7
- ⁶¹ *Ibid.*, h. 7
- ⁶² *Ibid.*, h. 237
- ⁶³ *Ibid.*, h. 14
- ⁶⁴ Robert C.Higgins (1992), *Analisa Pengurusan Kewangan* (terj.), c. 3, Zulkifli Salleh, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 188
- ⁶⁵ Ismail Ibrahim (1994), *Saham dan Pasaran Saham*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 52
- ⁶⁶ Robert C.Higgins (1992), *op. cit.*, h. 188
- ⁶⁷ *Ibid.*, h. 192
- ⁶⁸ Ismail Ibrahim (1994), *op. cit.*, h. 64
- ⁶⁹ Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 14
- ⁷⁰ Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 15
- ⁷¹ Mohd Sani Md Said (2001). "Kejatuhan Pasaran Saham Peluang Terbaik Untuk Sertai ASNITA", Dewan Ekonomi, Julai 2001, h. 34
- ⁷² Rosalan Haji Ali (1993), *op. cit.*, h. 15
- ⁷³ *Ibid.*, h. 16
- ⁷⁴ *Ibid.*, h. 16
- ⁷⁵ *Ibid.*, h. 16
- ⁷⁶ *Ibid.*, h. 16
- ⁷⁷ *Ibid.*, h. 17
- ⁷⁸ *Ibid.*, h. 17
- ⁷⁹ *Ibid.*, h. 17
- ⁸⁰ *Ibid.*, h. 18
- ⁸¹ *Ibid.*, h. 18